

NO. SOALAN: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SEAH LEONG PENG
[TELOK INTAN]
TARIKH : 25.03.2014 (SELASA)

TUAN SEAH LEONG PENG [TELOK INTAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bagaimana program penjelasan kepada rakyat mengenai perbelanjaan berhemah berupaya membantu rakyat meminimumkan tekanan inflasi dan apakah perkembangan dan reaksi daripada pengguna hasil daripada program tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian telah menjalankan pelbagai program pendidikan kepenggunaan mengikut kumpulan sasaran yang terdiri daripada pra sekolah, pelajar, belia, wanita, penjawat awam dan pengguna secara umum dan berterusan. Antara skop pendidikan yang telah diberikan kepada pengguna adalah:

i) Kempen Pengguna Bijak dan Pendidikan Kepenggunaan

Konsep pengguna bijak diwujudkan untuk melahirkan masyarakat pengguna bijak, bermaklumat, proaktif dan bertanggung jawab. Kempen ini juga bertujuan untuk meningkatkan amalan penggunaan lestari dalam kehidupan seharian, bagi menjamin kesejahteraan dan kebajikan pengguna dalam era globalisasi. Penggunaan lestari menggalakkan pengguna mempunyai maklumat, bijak membuat pilihan, membuat keputusan yang tepat dan berbelanja secara berhemah.

Kementerian juga memberi pendidikan dan maklumat berkaitan implikasi negatif budaya berhutang, kesan terhadap budaya membeli-belah dan makan luar, anti pembaziran, meningkatkan kesedaran dalam aspek berjimat cermat, mengamalkan budaya mengutamakan keperluan berbanding kehendak, mendidik pengguna untuk membuat keputusan tepat dan pendidikan yang dapat memberi kesedaran serta perubahan gaya hidup pengguna.

ii) Pelan Pemerkasaan Pendidikan Pengguna

Pelan Pemerkasaan Pendidikan Pengguna 2014 – 2019 telah diperkenalkan selaras dengan keputusan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang bermesyuarat pada 5 Februari 2014. Dalam mesyuarat tersebut, peruntukan sebanyak RM 24.57 juta telah diluluskan bagi melaksanakan pelan ini bagi tempoh 5 tahun. Matlamat pelan berkenaan adalah untuk **meningkatkan perlindungan kendiri pengguna** selari dengan sasaran yang ingin dicapai di dalam **Pelan Induk Pengguna 2020**.

iii) Medium Penyebaran Maklumat

Selain itu, Kementerian juga melaksanakan sebaran maklumat melalui pelbagai medium termasuk media cetak, media elektronik, temubual di radio, media baru seperti facebook, twitter, portal [1pengguna.com](http://www.1pengguna.com), selain program turun padang yang telah sedia ada dilaksanakan. Selain itu, portal www.1pengguna.com menyediakan aplikasi *price watch* yang membolehkan pengguna menyemak senarai harga barang keperluan harian di kawasan masing-masing. Maklumat *price watch* dipaparkan di akhbar-akhbar utama sebagai rujukan mudah pengguna.

iv) Kerjasama dengan NGO

Pada masa ini Kementerian melaksanakan kerjasama dengan Badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kepenggunaan dan NGO Bukan Kepenggunaan untuk menyebarkan maklumat dan

pendidikan kepenggunaan kepada masyarakat. NGO turut bersama-sama dengan Kerajaan untuk memberikan **penjelasan kepada rakyat mengenai fakta-fakta sebenar** mengenai isu kenaikan kos sara hidup.

v) **Kerjasama Dengan Kementerian dan Agensi Kerajaan Lain**

Kementerian juga menyokong kempen-kempen yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Agensi Kerajaan lain seperti:

- a) Kempen Pemakanan Sihat - Kementerian Kesihatan Malaysia;
- b) Kempen Bumi Hijau - Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani;
- c) Kempen 3R dan kurangkan penggunaan beg plastik - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; dan
- d) Pengurusan Kewangan Bijak - Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Kementerian berharap melalui program-program yang telah dilaksanakan ini dapat memberi kesedaran dan meningkatkan ilmu kepenggunaan agar masyarakat lebih bersedia dan faham mengenai situasi semasa pasaran.